

## → PENDIDIKAN

# Kadar kebolehpasaran graduan UMP meningkat

BERITA HARIAN (PENDIDIKAN) 13 FEB 2017 M/S 18

→ Melebihi sasaran 80 peratus pencapaian ditetapkan kementerian

Oleh Abdul Razak Raaff  
raaffar@bh.com.my

► Kuantan

**K**adar kebolehpasaran graduan **Universiti Malaysia Pahang (UMP)** meningkat kepada 95 peratus, melebihi sasaran 80 peratus yang ditetapkan Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT).

Naib Canselornya, Prof Datuk Dr Daing Nasir Ibrahim, berkata peningkatan itu berikutan usaha berterusan pihaknya mewujudkan kerjasama strategik dengan industri tempatan dan antarabangsa.

Katanya, UMP komited mencipta inovasi dalam penawaran program akademik termasuk bidang kejuruteraan melalui kerjasama pada peringkat antarabangsa dan menambah nilai menerusi proses penanda aras secara berterusan menggunakan model bertaraf du-

nia seperti program dengan Karlsruhe University of Applied Science, Jerman (HsKA).

### Jaringan kerjasama kukuh

Katanya, misi pengantarabangsaan UMP membina jaringan kerjasama akademik kukuh dengan Kerajaan Jerman bagi program dwijazah Kejuruteraan Mekanik dan Kejuruteraan Automotif dengan HsKA dan dwijazah Kejuruteraan Perniagaan dengan Reutlingen University juga usaha meningkatkan kualiti graduan supaya lebih berdaya saing dalam pelbagai aspek.

“Kerjasama begini membantu graduan UMP ditawarkan pekerjaan daripada syarikat yang ada hubungan perniagaan dengan Jerman. Jadi, kita akan terus menjalin hubungan baik dengan industri, sekali gus memenuhi keperluan industri.

“Kita juga memperkenalkan sis-



(FOTO HIASAN)

**Jalinan kerjasama akademik UMP pada peringkat antarabangsa** melahirkan graduan berkualiti dan lebih berdaya saing dalam pelbagai aspek.



**UMP membina jaringan kerjasama akademik kukuh dengan Kerajaan Jerman dalam usaha meningkatkan kualiti graduan”**

**Daing Nasir Ibrahim,**  
Naib Canselor UMP

tem Purata Penilaian Gred Kumulatif Bersepadu (iCGPA) yang sedang dilaksanakan di universiti ini bagi menilai kebolehan graduan dari segi peningkatan akademik, bidang keusahawanan, pengurusan, kemahiran sosial dan berkomunikasi.

“Pelaksanaan sistem profil pelajar pula mampu memenuhi kehendak industri moden masa kini yang memerlukan graduan bukan hanya bijak akademik, tetapi berketerampilan dalam kemahiran insaniah dan interpersonal,” katanya di sini, semalam.

Daing Nasir juga berkata, Pusat Kecemerlangan Industri (I-COE) juga dilihat sebagai satu mekanisme menghubungkan pengajian dengan pekerjaan dan membolehkan pihak industri bekerjasama dengan penyedia pendidikan supaya pelajar diberi kemahiran diperlukan dalam pekerjaan merangkumi empat program teras ia-

itu program latihan industri berstruktur (SIP), penempatan industri, pembangunan bakat serta latihan untuk pelatih.

Dalam usaha memantapkan akademik bagi melahirkan graduan yang kompeten, katanya, UMP turut memperkenalkan Program Pengukuhan Kemahiran Insaniah atau iLEAD yang pertama seumpamanya dengan dilaksanakan secara berstruktur sebelum menamatkan pengajian.

“Pelajar akan diukur dari pelbagai aspek iaitu kemahiran komunikasi, keusahawanan, etika dan nilai tambahan lain berbanding sistem penilaian terdahulu yang hanya berdasarkan markah akademik serta kokurikulum saja. Program ini bertepatan dengan hasrat KPT ke arah melahirkan graduan berkualiti seperti dinyatakan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) 2015-2025,” katanya.